

Ulm - 13/3/2004, Pg. 2

PM percaya rakyat buat pilihan bijak

KEPALA BATAS 12 Mac — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi percaya rakyat akan membuat pilihan bijak bagi menentukan parti yang mampu memimpin negara berasaskan bukti ia telah membawa kemajuan dan pembangunan kepada mereka.

Malah, Perdana Menteri berkeyakinan bahawa rakyat tentunya telah melihat contoh-contoh pembangunan yang dilaksanakan kerajaan sekarang yang mana ia dijalankan secara adil dan saksama untuk semua kaum di negara ini.

Sejajar dengan itu, beliau menarik perhatian bahawa pilihan raya umum pada 21 Mac ini adalah masa yang penting bagi rakyat memberikan sokongan kepada parti yang diyakini berupaya meneruskan kemajuan dan kemakmuran kepada mereka.

"Tuan puan sebenarnya pandai membuat pilihan yang baik untuk masa depan kita, semua orang berhak buat pilihan jadi pilihan raya ini penting kerana mereka yang dipilih akan melaksanakan pembangunan untuk semua kaum," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan tiga projek serentak iaitu Rancangan Tebatan Banjir Bertam-Kepala Batas, Tapak Pasar Peladang dan Jalan Dua di sini hari ini.

Abdullah berkata, rakyat berhak membuat pilihan dalam menentukan kerajaan yang mahu dibentuk kerana amalan demokrasi yang diamalkan di negara ini memberi peluang kepada mereka berbuat demikian.

Demokrasi

Jelasnya, beliau gembira kerana di negara ini tidak ada pihak yang memboikot pilihan raya sekali gus membolehkan proses demokrasi berjalan lancar tanpa sebarang masalah.

Dalam hubungan ini, beliau berkata, kerajaan tidak pernah kekeringan idea dalam merancang pembangunan untuk rakyat melalui Rancangan Malaysia yang dibuat setiap lima tahun sekali.

"Kita tidak putus-putus merancang untuk rakyat, hingga sekarang kita ada Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang merancang


pembangunan untuk penduduk luar bandar kerana kita tahu di luar bandarlah penyokong-penyokong kerajaan paling banyak," katanya.

Perdana Menteri berkata, yang membezakan kerajaan di negara ini dengan pihak luar ialah pembangunan yang dirancang telah dilaksanakan secara adil dan saksama dengan tidak tertumpu di tempat tertentu sahaja.

Malah, katanya, setiap negeri di Malaysia mempunyai sistem pentadbirannya sendiri yang merancang pelbagai program pembangunan untuk rakyat dalam memastikan mereka dapat hidup dalam suasana lebih selesa.

Usaha itu, kata beliau, tidak pernah selesai dan akan diteruskan lagi bagi merealisasikan matlamat menjadikan negara terus cemerlang, gemilang dan terbilang dalam semua aspek pembangunan.

Tegasnya: "Kerja kita tidak pernah selesai, kita akan terus berusaha meningkatkan kemajuan untuk rakyat kerana kita mahu rakyat hidup selesa. Kita akan teruskan lagi (program pembangunan)."



ABDULLAH AHMAD BADAWI bertanya khabar para kariah Masjid Permatang Janggus di Kepala Batas setibanya untuk menunaikan solat Jumaat, semalam.